

**Kerajaan Telah Laksanakan Tugas Yang Baik Dalam Memudahkan Usahawan, Kata MyCreative Ventures
Bernama
25 April, 2013**

PETALING JAYA, 25 April (Bernama) -- Kerajaan telah melaksanakan tugas yang cemerlang dalam memudahkan usahawan memajukan perniagaan masing-masing dan kesinambungan usaha ini amatlah penting, kata MyCreative Ventures Sdn Bhd.

MyCreative Ventures, iaitu cabang pelaburan kerajaan, telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada September tahun lepas untuk merancakkan industri kreatif Malaysia menerusi pembiayaan strategik dan inovatif.

Ketua Pegawai Eksekutif Johan Ishak berkata agensi telah menerima lebih 70 permohonan untuk pembiayaan, dan akan mengumumkan trance pertama daripada 10 penerima pelaburan terpilih, tidak lama lagi.

"Sejumlah RM200 juta yang diperuntukkan kerajaan dalam belanjawan lepas cukup kerana industri kreatif kita terdiri kebanyakannya daripada peserta kecil," kata beliau dalam persidangan akhbar di program "Chill Creative Chat" Yayasan Usahawan Baru (myNEF).

Syarikat-syarikat asing seperti FOX International Channels juga kagum dengan semangat dan sokongan kerajaan ke arah memajukan perniagaan peserta kecil dalam industri media, berbanding dengan rakan serantau yang lain.

"Itu sebabnya mengapa kami telah membuka pejabat tempatan di sini dan kami memang mahu menjadi sebahagian daripada ekosistem ini," kata Naib Presiden Pengaturcaraan, Eddy Tan.

Sementara itu, ketua pegawai eksekutif myNEF, Muhammad Ferdaus Johar berkata dari segi sumber pembiayaan, kerajaan telah memudahkan lagi untuk usahawan kandungan kreatif menerusi agensi seperti MyCreative Ventures dan Malaysia Debt Ventures Bhd.

"Sementara pembiayaan bukan lagi satu masalah penting, banyak projek gagal untuk direalisasikan kerana kandungannya tidak seiring dengan keperluan penyiar," kata beliau.

"Kami berharap dapat merapatkan jurang antara penyedia kandungan dan bakal pembeli," tambah beliau.

myNEF, yang pada masa ini mempunyai lebih 750 usahawan didaftarkan dengannya, berhasrat mencapai 1,000 usahawan menjelang Mei, dan 3,000 dalam tempoh tiga tahun, menerusi pelbagai program yang dimajukan di bawah skopnya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945071>